

# apa - apa aje lah.....

(sekadar mengisi masa lapang dan menyebarkan maklumat kepada orang yang ingin ambil tahu.....)

SUNDAY, 20 JUNE 2021

## Perkhidmatan Keretapi Penumpang

TT	Stesen	Tren No. 11	Tren No. 77	Tren No. 401	Tren No. 7
		Penumpang	Campur	Tempatan	Penumpang
		Express	Mixed	Local	Mail
		Dari KL jam 2000	Dari Gemas jam 0630	Dari JB jam 1205	Dari KL jam 0800
351/04	GEMAS	0108	0630		1309
357/12	Batu Anam	-	0649		1327
362/11	Buloh Kasap	-	0703		1340
367/03	Segamat	0149	0718		1353
372/08	Genuang	-	0737		1409
377/18	Tenang	-	0755		1425
385/06	LABIS	0245	0821		1449
395/04	Bekok	-	0847		1512
398/15	Jagoh	-	0903		1523
401/20	Beradin	-	0913		1533
404/02	Paloh	-	0923		1542
408/16	Chamek	-	0938		1556
413/15	Niyor	-	0953		1610
418/11	KLUANG	0415	1022		1627
422/16	Mengkibol	-	1046		1640
430/16	Rengam	-	1109		1701
438/04	LAYANG-LAYANG	0511	1137		1726
446/11	Sedenak	-	1201		1750
452/15	Kulai	-	1218		1807
457/21	Senai	-	1232		1822
463/12	Kempas	-	1256		1840
472/03	JOHOR BAHRU	0659	1345	1205	1930
474/03	Kranji	-	1355	1250	-
478/09	Bukit Panjang	-	-	1303	-
481/21	Bukit Timah	-	1419	1324	1958
484/04	Tanglin	-	-	1333	2013
486/05	Teluk Blanga	-	-	1340	-
488/04	SINGAPURA	0745	1440	1348	2025
	Masa perjalanan dari Gemas	6 JAM 37 MINIT	8 JAM 10 MINIT	1 JAM 43 MINIT	7 JAM 16 MINIT

Di atas adalah salah satu contoh jadual perjalanan keretapi yang pernah digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu. Jadual yang mula digunakan mulai 01 Disember 1947 itu mengandungi semua perjalanan tren yang ada pada masa itu.

Mungkin ramai yang tidak mengetahui fungsi sesebuah tren penumpang. Aku ceritakan serba sedikit tentang kategori keretapi penumpang yang ada pada masa itu.

Perkhidmatan keretapi penumpang terbahagi kepada beberapa jenis iaitu:

- Keretapi Ekspres / Keretapi Terus Menerus / Keretapi Sombong.
- Keretapi Mel
- Keretapi Tempatan
- Keretapi Campur.

**Keretapi Ekspres** (ada sesetengah jadual menulis sebagai Through Train) adalah perkhidmatan terus menerus yang hanya akan berhenti di beberapa buah stesen tertentu. Keretapi ini biasanya cepat sampai di stesen akhir berbanding dengan keretapi penumpang yang lain. Contoh keretapi ekspres ini adalah Ekspres Rakyat, Ekspres Timuran, Ekspres Wau atau Ekspres Langkawi. Manakala laluannya adalah antara Prai – Kuala Lumpur, Kuala Lumpur – Singapura, Kuala Lumpur – Haadyai, Kuala Lumpur – Tumpat atau Tumpat – Singapura.

**Keretapi Mel** (Mail Train) adalah perkhidmatan henti-henti jarak sederhana. Ianya membawa penumpang, surat, bungkusan, suratkhbar, basikal atau motorsikal. Keretapi ini dilarikan

SEARCH THIS BLOG

Sea

Home

TENTANG SAYA....

zkeretapi

View my complete profile

PERJALANAN KU

▼ 2021 (41)

► 07/11 - 07/18 (2)

► 06/27 - 07/04 (3)

▼ 06/20 - 06/27 (2)

Selamat Hari Bapa

Perkhidmatan Keretapi Penumpang

► 06/13 - 06/20 (1)

► 05/16 - 05/23 (1)

► 04/11 - 04/18 (9)

► 03/21 - 03/28 (2)

► 03/14 - 03/21 (2)

► 02/28 - 03/07 (4)

► 02/07 - 02/14 (4)

► 01/31 - 02/07 (3)

► 01/24 - 01/31 (3)

► 01/10 - 01/17 (2)

► 01/03 - 01/10 (3)

► 2020 (16)

► 2017 (11)

► 2016 (11)

► 2015 (21)

► 2014 (67)

► 2013 (95)

► 2012 (242)

► 2011 (286)

► 2010 (238)

► 2009 (183)

CUBALAH .....

samada di waktu pagi atau malam. Ianya akan berhenti di semua stesen dan perhentian di sepanjang laluan. Laluan yang popular adalah Butterworth – Kuala Lumpur, Kuala Lumpur – Singapura atau Gemas – Gua Musang.

**Keretapi Tempatan** (Local Train / Ordinary Train) adalah perkhidmatan henti-henti jarak dekat. Biasanya ia membawa penumpang dan satu atau dua gerabak barang. Keretapi ini juga akan berhenti di semua stesen dan perhentian di sepanjang laluan. Keretapi tempatan ini biasanya beroperasi di antara Butterworth – Padang Besar, Tapah Road – Teluk Anson, Kuala Lumpur – Pelabuhan Klang, Kluang – Singapura atau Tumpat – Gua Musang.

**Keretapi Campur** (Mixed Train) adalah keretapi yang membawa penumpang dan gerabak barang. Ianya akan berhenti dan membuat langsiran gerabak barang di stesen-stesen yang telah ditetapkan. Keretapi campur ini adalah keretapi yang paling lambat tiba di stesen penghujung jika hendak dibandingkan dengan keretapi-keretapi yang lain.

Sesungguhnya perkhidmatan keretapi penumpang ini amat penting sebelum adanya jalanraya atau lebuh raya yang baik. Jalanraya dahulu tidaklah sebaik jalanraya yang ada pada hari ini. Penduduk kampung di sepanjang laluan keretapi menanti-nanti akan ketibaan keretapi untuk membolehkan mereka membawa hasil-hasil kampung untuk dijual di bandar-bandar besar. Hasil jualan yang diperolehi membolehkan mereka membeli barang keperluan harian yang pada masa itu agak sukar untuk diperolehi di kampung masing-masing.

at [June 20, 2021](#)

Labels: [keretapi](#)

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...

Comment as: Syahrul Sazli ▼

Sign out

Publish

Preview


Notify me

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)



ANDA PENGUNJUNG YANG KE:

**00167816**

KOMEN APA - APA AJE

**Latrice:** This is my first time pay a at here and i am genuinely impres read everthing at alone place.who jerseys Chinahttp://crystaluatgx.mee.nu/?entry=3198068http://haileyzjfgk44entry=3198287

**Tyrone:** Hello mates, good piece of writing and fastidious arguments commented here, I am actually en by these wholesale jerseys from Chinahttp://colewsa.mee.nu/?entry=3194857http://elleomk0w.mentry=3195003


Nama

Pesanan

Hantar Pesanan

PENJEJAK...

Followers (30) [Next](#)



Follow